



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/KUPSM/027
Tarikh : 12 Oktober 2020

KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BILANGAN 14 TAHUN 2020

PENGGILIRAN BEKERJA PEGAWAI DAN PENGKHIDMAT LGM SELARAS PENUTUPAN SEKOLAH DI KAWASAN ZON MERAH BERHUBUNG PENINGKATAN KES COVID-19

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Melalui Kenyataan Media, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memaklumkan penutupan sekolah di kawasan-kawasan yang disahkan zon merah oleh Kementerian Kesihatan Malaysia berhubung peningkatan kes COVID-19.

3. Pegawai dan Pengkhidmat LGM yang mempunyai anak-anak yang bersekolah atau penutupan taska di kawasan zon merah boleh dipertimbangkan untuk Bekerja Dari Rumah (BDR) secara penggiliran dengan pasangan (suami/isteri). Penggiliran bekerja secara BDR dibenarkan tidak lebih dari 3 hari seminggu.

Contoh : Puan Zakiah telah dijadualkan penggiliran bekerja secara BDR 3 hari dalam seminggu dan tidak perlu menggunakan cuti rehat tahunan. Baki 2 hari ditetapkan untuk bekerja di pejabat.

Hari	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat
Tempat Bertugas	BDR	Pejabat	Pejabat	BDR	BDR
	<ul style="list-style-type: none">• Maksimum BDR selama 3 hari seminggu.• Tidak dikehendaki menggunakan cuti rehat tahunan.• Wajib kemukakan laporan tugas harian kepada Ketua.• Permohonan BDR hendaklah menyertakan surat pengesahan majikan mengenai jadual hari bekerja pasangan, dokumen pengesahan anak bersekolah di kawasan zon merah dan/atau dokumen pengesahan penutupan taska.				

4. Pengarah Bahagian/Ketua Unit dikehendaki untuk menyediakan jadual penggiliran bagi Pegawai dan Pengkhidmat yang terlibat dengan BDR dan memastikan operasi dan perkhidmatan yang perlu disediakan oleh LGM tidak terjejas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

5. Oleh itu, penjawat LGM yang memerlukan penggiliran bekerja ini hendaklah disokong oleh Pengarah Bahagian/Ketua Unit terlebih dahulu dan kemukakan permohonan kepada Unit Pembangunan Sumber Manusia untuk kelulusan.

6. Permohonan penggiliran bekerja ini akan diberikan **mengikut tempoh penutupan sekolah atau taska** di satu-satu kawasan yang telah disahkan zon merah mengikut kenyataan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Majlis Keselamatan Negara dan pihak berkuasa lain yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”



(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)

s.k Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Operasi)
Pengarah-Pengarah Bahagian